

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar
[Pokok Sena]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa keperluan dan perkiraan yang dibuat dengan jumlah 24 Kementerian dan 35 anggota Jemaah Menteri yang begitu ramai berbanding dengan jumlah anggota kabinet di negara maju dan negara membangun.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hak prerogatif Perdana Menteri untuk menentukan bilangan Menteri Kabinet yang akan menjadi anggota pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan beliau. Menteri dan Timbalan Menteri telah dilantik di bawah portfolio masing-masing untuk memastikan segala perancangan dan agenda yang dirangka dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Dalam hal ini, adalah tidak tepat untuk membandingkan dengan negara-negara lain. Ini kerana, Malaysia adalah sebuah negara yang unik dan mempunyai pelbagai latarbelakang dan budaya. Sudah tentulah keperluan serta keadaan di Malaysia tidak sama seperti negara-negara lain.

Sekian. Terima kasih.